

04/08/2002

Dr Mahathir diminta terus menjana idea

LANGKAWI: Sesi Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) yang berakhir semalam sepakat mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menyumbangkan idea pada dialog masa depan walaupun selepas beliau tidak lagi memegang jawatan Perdana Menteri.

Ketua kerajaan dan negara yang menjadi rakan dialog itu menyifatkan daya kepimpinan Dr Mahathir masih diperlukan untuk menjana pemikiran bernas dalam dialog berteraskan konsep perkongsian pintar itu.

Malah, mereka mengakui Perdana Menteri Malaysia adalah pemimpin yang berpandangan jauh dan banyak menyedarkan mereka, terutama mengenai bahaya keganasan ekonomi.

Presiden Ghana, John A Kufour, yakin Dr Mahathir tidak akan menyepi diri daripada dialog itu walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri kerana sumbangan beliau masih diperlukan.

"Dia kelihatan lebih muda daripada usianya dan saya percaya dia tidak akan meninggalkan program dialog ini walaupun kami membenarkan beliau meletakkan jawatannya tetapi dia akan terus menyokong dialog ini untuk kebaikan semua," katanya pada sidang akhbar mengenai hasil dialog tiga hari yang berlangsung di Pelangi Beach Resort di sini sejak Khamis lalu.

Dr Mahathir dijadualkan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada Oktober tahun depan selepas mengumumkan persaraannya Jun lalu.

"Beliau akan datang sebagai individu yang baik yang mahu membantu mewujudkan satu rangkaian negara yang berjaya," katanya yang pertama kali hadir pada dialog berkenaan sejak ia diperkenalkan pada 1995.

Presiden Sudan, Lt Jen Omer Hassan Ahmed Al-Bashir, berharap dapat bertemu dengan Dr Mahathir pada dialog akan datang kerana perwakilan percaya beliau mampu meneruskan tugasnya di peringkat antarabangsa.

"Saya sering mengikuti perkembangan Malaysia dan Dr Mahathir dan melihat banyak kejayaan dicapai di negara ini khususnya kejayaan beliau menangani krisis ekonomi yang melanda Malaysia, sebelum ini," katanya.

Siri dialog perkongsian pintar antarabangsa selepas ini akan diadakan di Swaziland September tahun depan. Perdana Menteri Mauritius, Sir Aneerood Jugnauth, berkata Dr Mahathir adalah pemimpin contoh dan yakin perwakilan mahu melihat apa yang beliau akan lakukan dalam dialog akan datang.

Terdahulu, pada sidang akhbar di luar sesi dialog, Dr Mahathir berharap negara dialog Global 2002-LID akan terus memberi komitmen kepada dialog perkongsian pintar antarabangsa itu walaupun selepas beliau bersara.

Sambil menyatakan beliau akan menghadiri dialog akan datang jika dijemput, Perdana Menteri berkata, beliau yakin negara terbabit akan terus menyokong dialog itu.

"Ya mereka akan terus...saya harap mereka teruslah," katanya.

Beliau diminta mengulas komitmen negara lain terhadap dialog itu selepas beliau bersara kelak. Pemimpin negara dialog sebelum ini meminta Dr Mahathir terus terbabit secara aktif dalam dialog yang diilhamkan beliau. Mengenai Global 2002-LID kali ini, Dr Mahathir berkata ia lebih menyeluruh dengan pelbagai aktiviti dapat dijalankan serta membabitkan lebih ramai peserta berbanding siri dialog sebelum ini.

Katanya, maklum balas yang diterima juga amat berguna untuk semua negara termasuk Malaysia yang dapat mengetahui lebih banyak perkara atau masalah yang berlaku di negara lain.

"Seperti yang kita tahu, tidak ada kelas untuk Perdana Menteri dan Presiden, kami tidak mengikuti kelas, dan (dialog) ini adalah paling

hampir dengan kelas di mana kami boleh belajar sesuatu mengenai pekerjaan kami," katanya.

Ditanya apakah lebih banyak negara dari benua lain akan dijemput menyertai dialog ini pada masa depan, Dr Mahathir berkata ia tidak mungkin dapat dilakukan. "Jika anda bawa masuk terlalu banyak negara ia akan melumpuhkan kita (LID) kerana anda tidak boleh mendapatkan terlalu ramai ketua negara untuk datang bersama," katanya.

Mengenai perkara yang disentuh dalam perbincangan dua hala beliau dengan beberapa pemimpin negara dialog, Perdana Menteri berkata ia mencakupi soal hubungan dua negara, masa depan LID dan kaedah bagi membiayai CPTM. Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah dalam kedudukan terbaik untuk memanfaatkan hasil dialog ini berbanding negara lain kerana kita. "Walaupun mereka ingin melakukan banyak perkara tetapi keupayaan mereka terhad, sebab itu mereka mahu belajar daripada Malaysia," katanya.